



## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

# NOTIS MAKLUMAN

### PENUTUPAN SEMENTARA DAN PERPINDAHAN KAUNTER TERIMAAN PERMOHONAN BAYARAN BALIK LEVI PEKERJA ASING

Selaras dengan keputusan kerajaan mengembalikan fungsi Pusat Sehenti (*One Stop Centre – OSC*) Pengurusan Pekerja Asing kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN), dimaklumkan bahawa urusan Permohonan Bayaran Balik Levi Pekerja Asing akan dipindahkan dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ke KDN.

2. Kaunter terimaan Permohonan Bayaran Balik Levi Pekerja Asing di **Bahagian Pekerja Asing JIM** akan ditutup mulai **4 Jun 2024 (Selasa)** hingga **7 Jun 2024 (Jumaat)**. Bermula **10 Jun 2024 (Isnin)**, kaunter urusan terimaan Permohonan Bayaran Balik Levi Pekerja Asing akan beroperasi di KDN seperti di alamat berikut:

**Pusat Sehenti Pengurusan Pekerja Asing  
Bahagian Hal Ehwal Imigresen  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 5, Blok Setia Perkasa 9  
Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya  
Tel: 03-8885 2939 / 2940**

3. Penutupan sementara ini adalah bagi tujuan penyelarasan operasi dan pelaksanaan urusan perpindahan dari JIM ke KDN. Pihak kami memohon maaf kepada pelanggan atas sebarang kesulitan yang timbul susulan penutupan sementara kaunter ini.

Sekian, terima kasih

**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING  
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
28 MEI 2024**